**Arkib Maklumbalas Pengguna**

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

| Maklumbalas Bagi Tahun 2019 | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil.** | **Penghantar** | **Maklumbalas** | **Jawapan** |
| 1. | Website: Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perak<br>From: Cikgu Sham<br>Date: Khamis, 25 Julai 2019 11:49<br><br>Tajuk: Permohonan Bagi Solat Jumaat di Surau Madrasah/Sekolah | Salam.<br>Saya memohon untuk mendapatkan cara atau procedur bagi memohon supaya pihak pelajar,warga kerja dan orang ramai dapat menggunakan surah madrasah/sekolah kami iaitu Dar Tahfiz Al-Quran Wal Hadith, Changkat Gohor, Padang Rengas, Perak bagi solat Jumaat setiap minggu disebabkan masjid jauh dari madrasah/sekolah kami dan kekurangan pengangkutan utnuk para pelajar ke masjid terdekat.<br>Mohon jawapan dari pihak tuan. Sekian terima kasih. | Wa'alaikumussalam w.b.t..<br>Terima kasih atas kesudian pihak tuan menggunakan Borang Maklumbalas dan Cadangan Pengguna di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak.<br>Pihak pengurusan email akan memanjangkan email tuan ini ke Pegawai yang berkenaan bagi mendapatkan jawapan.<br><br>Sekian. Terima kasih. |
| 2. | Website: Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perak<br>From: Muhamad Rashid bin Hj Abd Kadir<br>Date: Rabu, 07 Ogos 2019 15:25<br><br>Tajuk: Jawatan Kosong | Assalaamu'alaikum,<br>Adakah terdapat kekosongan jawatan di Jabatan Mufti Negeri Perak pada masa ini? Saya berkelulusan SPM.<br>Terima kasih.<br><br>Yang benar,<br>Muhamad Rashid bin Hj Abd Kadir<br>H/P No: 017-276 5648 | Waalaikumsalam.<br>Terima kasih di atas maklumbalas tersebut.<br>Berkenaan pertanyaan tersebut, saudara boleh menghubungi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak untuk mendapatkan maklumat jawatan kosong di negeri Perak di talian 05-2540615 atau boleh menghantar permohonan melalui laman web http://spaonline.perak.gov.my<br>Sekian, terima kasih.<br>* Petadbir Emel * |
| 3. | Website: Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perak<br>From: Mohd Stauban Uzair<br>Date: Selasa, 15 Oktober 2019 12:54 | Assalamualaikum. Saya Sauban, Ahli Persatuan Falak Selangor.<br>Pada 12 Oktober 2019, Saya berkunjung ke kampung sahabat saya di Padang Rengas. Atas asbab ada sedikit ilmu tentang arah kiblat, dia meminta untuk semak semula | Wa'alaikumussalam w.b.t..<br>Berhubung perkara tersebut, saya sudah berhubung dengan Tuan Haji Ariffin dan memohon beliau untuk membuat permohonan rasmi semakan arah kiblat bagi masjid dan surau.mTerima kasih di atas keperihatian tuan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Tajuk: Pesongan Arah Kiblat | kiblat di rumahnya. Kemudian didapati rumahnya terpesong arah kiblat.<br>Keadaan ini membuatkan dia meminta saya untuk semak juga di Surau dan Masjid kampungnya, walaupun saya tahu masjid dan surau adalah di bawah bidang kuasa jabatan mufti negeri-negeri. Atas rasa tanggungjawab, saya membuat semakan arah kiblat menggunakan beberapa kaedah iaitu Sun Compass, Waktu Lintasan Harian (Kebetulan ketika ke Surau kena pada masanya), Google Earth, Easy Qibla. Dengan keempat kaedah yang digunakan untuk double check semula, memang didapati Masjid Ihsani Kampung Stor dan Surau At Tarbiyah terpesong kiblatnya. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Nazir Masjid, Tuan Haji Arifin (0142536238) dan juga Imam surau at Tarbiyah, Haji Mohamad Afendi (0135003083) dan mereka juga menyaksikan sendiri kaedah yang digunakan untuk membuat penentuan arah kiblat. Bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat setempat, dimohon pihak tuan datang mengesahkan semula dan mengeluarkan sijil yang berkaitan pengesahan arah kiblat yang baru. Jazakallah. | Sekian. |
| 4. | Website: Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perak<br>From: Dr Kamaruddin Mohd Yusoff<br>Email: mykamar77@gmail.com<br>Date: Selasa, 22 Oktober 2019 22:17<br><br>Tajuk: Perkataan KARNIVAL tidak sesuai digunakan oleh Umat Islam | PERKATAAN ‘KARNIVAL’ TIDAK SESUAI UNTUK UMAT ISLAM<br>Perkataan karnival (carnival) berasal daripada Latin iaitu carne+vale’. Carne bererti daging dan vale bererti selamat tinggal, yang bermaksud berhenti memakan daging. Penggunaannya dikesan dalam kurun ke 13 Masehi dikaitkan dengan amalan pengikut gereja Roman Katholik yang berpesta sebelum berpuasa semasa ”Lent”. Sebenarnya amalan pesta ‘carnival’ bermula dari era sebelum Kristian dan dirayakan selama tiga hari diadakan pada penghujung musim sejuk sehingga permulaan musim bunga. Ia dilakukan untuk menghalau hantu-syaitan jahat musim sejuk sebelum memasuki musim | Terima kasih atas kesudian pihak tuan menggunakan Borang Maklumbalas dan Cadangan Pengguna di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak.<br>Pihak pengurusan email akan memanjangkan email tuan ini ke Pegawai yang berkenaan bagi mendapatkan jawapan.<br><br>Sekian. Terima kasih. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bunga (chasing away of the bad spirit of winter). Justeru itu 'carnival' kekal sebagai upacara menghalau hantu syaitan dan ianya adalah sejenis amalan tahyul. Hantu-syaitan itu dikatakan suka membuat bising dan mengganggu manusia, dan untuk menghalaunya mereka menggunakan cemati,loceng dan alatan muzik (yang lebih bising barangkali).<br><br>Pihak gereja Roman Katholik gagal dalam usaha mereka untuk membuang tradisi kuno perayaan 'carnival' ini. Sebagaimana kebiasaan, mereka kemudian menerapkan karnival kedalam ajaran Kristian. Dalam tahun 1091, "Synod of Benevento" membuat deklarasi bahawa hari Rabu selepas sambutan 3 hari karnival adalah dikenali sebagai " Ash Wednesday". Hari ini (Ash Wednesday) merupakan permulaan berpuasa untuk penganut Kristian selama 40 hari. Puasa ini sebagai mengingati kematian dan kebangkitan semula "Jesus Christ". (The ritual commemoration of the Death and Resurrection of Jesus Christ). Daripada surutan di atas, Jelaslah karnival berkait dengan kepercayaan tahyul yang syirik dari segi ajaran Islam, yang kemudiannya di terapkan kedalam ajaran agama Kristian.<br><br>Agama suci Islam telah membuang semua bentuk kepercayaan tahyul atau apa-apa kepercayaan atau pesta yang berkaitan dengannya. Agama Islam juga melarang umatnya mengikuti amalan yang ada kaitan dengan agama lain. Nabi Muhammad (SAW) juga telah melarang keras amalan atau gaya hidup yang ditiru daripada penganut agama lain lebih-lebih lagi apabila melibatkan akidah. Persoalannya, mengapa hari ini masyarakat beragama Islam masih memilih perkataan karnival untuk dijadikan nama pilihan bagi sesuatu pesta, perayaan atau sambutan | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Tiada siapa pun yang memaksa kita menggunakan perkataan tersebut. Jika kita memilih perkataan tersebut dengan sukarela maka jelas menunjukkan bahawa kita adalah lebih hina daripada pihak gereja yang terpaksa mengkristiankan perkataan tersebut Sekurang-kurangnya mereka melakukan begitu untuk memberi nilai keagamaan kepada karnival itu sediri. Jadi apakah niat dan tujuan kita memilih karnival, kerana glamor atau kerana kejahilan.? Dan lihatlah apa hasilnya. Berapa ramai remaja Islam yang rosak dan dilalailekakan ? Apakah nilai hidup yang hendak di terapkan ? Kita masih belum terlambat untuk mengubah keadaan. Marilah kita laksanakan perubahan kearah jalan dan kegiatan-kegiatan yang sesuai dengan ajaran suci Islam demi untuk mencapai keredaan Allah SWT.<br><br>Lihat Berita Harian Sabtu 17 Februari 2007, Surat & E-mail ( Salinan pada papan notis PADU)<br><br>Rujukan:<br><br>1. "Origin and History of Carnival"<br>Translated and edited by Drs.Trudy Martinus Curacao Carnival Foundation<br>http://karnaval.an/Origin_and_History<br><br>2. "Carnival in Germany"<br>bbc.co.uk<br>http://BBC - h2g2 - Carnival in Germany.htm | |
| 5. | Website: Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perak<br>From: ZAKARIA MUKHTAR<br>Date: Rabu, 23 Oktober 2019 14:12 | Soalan: Di Masjid yang saya pergi setiap hari Imam nya saorang Arab dia ni guru mengaji tajwid saya kelulusan Al Azhar tetapi bila solat tidak ada Tumklninah masa bagun dari sujud terus bangun berdiri tanpa tumakninah. Saya telah memberi nasihat melalui saorang rakan mengaji quran subuh saya juga orang Arab yang bolih berbahasa | Terima kasih atas kesudian pihak tuan menggunakan Borang Maklumbalas dan Cadangan Pengguna di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak.<br>Pihak pengurusan email akan memanjangkan email tuan ini ke Pegawai yang berkenaan bagi mendapatkan jawapan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Tajuk: SOLAT TUMAKNINAH | Inggeris. Saya telah tunjukkan Hadis dan cerita Nabi suroh orang solat tiga kali dan saya kata kalau tak Tumakninah solat bolih jadi batal. Bila kawan Arab tu bagi tahu dia , dia macam marah marah. Lepas itu saya nampak ada dia buat tumakninah tapi kadang kadang mungkin dia lupa atau dah kebiasaan dia tidak tumakninah. Soalannya saya tahu perbuatan nya salah jadi saya ragu ragu elok saya solat dirumah dari pergi ke Masjid, bukan saya tak nak pergi ke Masjid. Saya risau aka kata orang nanti kalau saya tak lama datang ke Masjid apa sebab dan apa saya nak jawapkan. Serba salah Tolong beri pencherahan dan nasihat. Wassallam. | Sekian. Terima kasih. |
| 6. | Website: Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perak<br>From: yusuf<br>Date: Khamis, 24 Oktober 2019 13:11<br><br>Tajuk: memohon agar menyemak guru mengajar tadabur quran di masjid ridzwaniah bertauliah atau tidak | Assalamualaikum<br>Saya ingin membuat aduan mengenai kelas tadabur quran yang diadakan di Masjid Ridzwaniah, Kuala Kangsar, Perak pada setiap pagi khamis<br><br>Aaya musykil adakah guru (cikgu hussein) yang mengajar tadabur quran tersebut mempunyai kelayakan atau tauliah untuk mengajar tadabur quran untuk mengajar tadabur seseorang itu perlulah menguasai ilmu bahasa arab dan ilmu tafsir yang mendalam.<br>Saya risau ada ayat-ayat mutasyabihat ditafsirkan hanya mengikut terjemahan sahaja padahal ayat tersebut perlu ditakwil.<br>Saya berharap Jabatan Mufti Perak dapat bertindak dengan segera sebelum adanya fahaman yang menyeleweng dari Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah | Terima kasih atas kesudian pihak tuan menggunakan Borang Maklumbalas dan Cadangan Pengguna di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak.<br>Pihak pengurusan email akan memanjangkan email tuan ini ke Pegawai yang berkenaan bagi mendapatkan jawapan.<br><br>Sekian. Terima kasih. |